

Pembocor rahsia di perairan Sabah dijejaki, kata TPM
Free Malaysia Today
Okt 18, 2016

Beliau berkata KDN sentiasa prihatin terhadap isu kedaulatan dan keselamatan negara, meskipun terdapat beberapa kekangan.

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melakukan risikan jika terdapat individu dalam agensi penguatkuasaan yang membocorkan maklumat sehingga berlaku pencerobohan di perairan Sabah.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga menteri dalam negeri berkata tindakan akan diambil terhadap pihak yang terlibat.

Beliau berkata KDN sentiasa prihatin terhadap isu kedaulatan dan keselamatan negara, meskipun terdapat beberapa kekangan.

“Terdapat beberapa kekangan biarpun kita ada aset, anggota dan juga sistem maklumat tertentu. Tetapi sebagaimana yang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak katakan, ada kemungkinan berlaku kebocoran maklumat,” katanya menjawab soalan tambahan M Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat) dalam sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Kulasegaran ingin tahu kenapa masih berlaku pencerobohan di perairan Sabah meskipun pelbagai langkah dilaksanakan.

Sesi MQT itu diadakan buat pertama kali pada persidangan Dewan Rakyat, dan diadakan setiap Selasa dan Khamis sebelum bermula sesi soal jawab selama 30 minit.

Zahid berkata pelbagai usaha dilakukan kerajaan untuk menjaga keselamatan negara, termasuk menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) yang merangkumi gabungan pelbagai jabatan antaranya PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Selain itu, katanya kerjasama dengan beberapa negara termasuk negara jiran turut diadakan dengan langkah yang diambil antaranya mendirikan pagar di kawasan sempadan negara, bertukar maklumat dalam kalangan negara Asean, selain menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom).

Sementara itu, menjawab soalan asal Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong), Zahid berkata keselamatan lapangan terbang negara sejak 1 April lepas adalah pada tahap jingga.

“Kita mendapat satu tanda iaitu lapangan terbang kita berada di tahap jingga, iaitu perlu berhati-hati. Mesyuarat penyelarasan dilakukan untuk kesiapsiagaan di lapangan terbang,” katanya.

Shamsul Anuar dalam soalnya ingin tahu sejauh mana keselamatan negara di semua pintu sempadan dengan negara jiran dan di lapangan terbang seluruh negara, selain kemudahan terkini yang diguna pakai bagi mengesan serta mencegah berlakunya perkara tidak diingini.

Menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi dalam menyelaraskan semua agensi dan jabatan di pintu sempadan negara, Zahid berkata ia dapat diatasi dengan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

“Sejak kewujudan NBOS dengan menggabungkan pelbagai kementerian, segala kekangan dapat diatasi sebaiknya dan agensi kerajaan keluar daripada kepompong silo,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/18/pembocor-rahsia-di-perairan-sabah-dijejaki-kata-tpm/>